

Hidup di Asia Tengah



*Bilangan Penduduk: 5,097,028
(anggaran Julai 2007)*

*Muslim 89%, Ortodoks Timur 9%,
tidak diketahui 2%*

Turkmenistan tidak sering dipaparkan di media antarabangsa, akan tetapi

negara ini menerima perhatian media pada bulan Disember 2006 apabila presidennya yang agak eksentrik, Saparmurat Niyasov, tiba-tiba meninggal dunia.

Turkmenistan merupakan satu negara merdeka yang terletak di antara Iran dan Uzbekistan. Hampir 90% dari tanah jajahnya merupakan padang pasir atau batu kerikil, manakala penduduk-penduduk lazimnya mendiami pinggir sungai dan oasis. Padang pasir ini kaya dengan minyak dan gas asli. Turkmenistan merupakan pengeluar gas asli yang kelima besar di dunia. Walaupun negara ini

menerima banyak pendapatan dari sumber hidrokarbon ini, ketidakseimbangan dan ketidakadilan dalam pengagihan menyebabkan ramai penduduk bergumul mencari wang untuk hidup sehari ke sehari. Walau bagaimanapun, bangunan-bangunan marmar yang cantik didirikan merata tempat di ibukota Turkmenistan, Ashgabat.

Penganiayaan:

Bermula pada tahun 1998, hampir semua misionari dihalau oleh kerajaan Turkmenistan. Sejak itu, semua kegiatan agama



disekat. Perjumpaan-perjumpaan di rumah dilarang dan sesiapa yang didapati menghadiri kebaktian rahsia mungkin akan kehilangan rumah dan pekerjaan mereka. Perkhidmatan Intelijens Turkmenistan (Perisik) memerhatikan sesiapa yang dikenali sebagai orang percaya dan juga semua orang asing.

Namun, gereja masih terus berkembang di Turkmenistan. Terdapat lebih kurang 700-1,000 orang percaya di negara ini dan beberapa gereja-gereja bawah tanah (tersembunyi) yang berjumpa secara rahsia. Dua

gereja Kristian yang berbahasa Rusia telah diberikan kebenaran untuk bertemu. Malangnya gereja-gereja sah dan kebanyakan gereja-gereja tersembunyi menggunakan bahasa Rusia – orang-orang Kristian di sana masih mendoakan agar orang-orang bangsa Turkmenistan yang menutur bahasa mereka sendiri akan bangkit. Perjanjian Baru sudah ada di dalam bahasa Turkmenistan, akan tetapi terjemahan ini sangat memerlukan penyemakan untuk membetulkan kesilapan dan juga untuk mengalihkan bahasanya ini untuk

penggunaan sekarang. Terjemahan Perjanjian Lama masih lagi dalam proses.

BAHAN-BAHAN DOA:

- *Orang-orang Turkmenistan rasa hampa dan sedang mencari Kebenaran. Mereka sangat memerlukan orang yang dapat memuridkan orang-orang percaya untuk membentuk komuniti-komuniti penutur bahasa*



Turkmenistan yang beriman dan kukuh, yang dapat menjangkau bangsa mereka sendiri dan diterima sebagai sebahagian kebudayaan mereka.

KULTUS PERSONALITI

Turkmenistan merupakan salah satu rezim yang paling menindas di dunia. Bekas presidennya telah meletakkan kultus personaliti yang aneh. Dia mendirikan patung-patung berbentuk dirinya sendiri yang

bersalut emas di seluruh negaranya dan gambarnya diletakkan di setiap bilik awam dan di luar setiap bangunan awam. Dia menulis sebuah buku yang diberi tajuk “Ruhnama.” Ajaran di dalam buku ini merangkumi seluruh hidup seharian. Kini, satu generasi telah pun melalui “pembasuhan otak” secara menyeluruh. Persiden baru, Gurbanguly Berdymuhamedov, telah berjanji untuk meneruskan warisan politik Niyasov. Murid-murid sekolah masih diwajibkan menghafal bahagian-bahagian “Buku Suci” bekas presiden,

Ruhnama. Suara kritikan atau bantahan tidak dibenarkan dan kerajaan terus mengawal semua jenis media.

www.30-days.net

www.30daysfire.net

30 Hari Doa bagi Dunia Muslim

